

## TERKINI

01:22pm Enot bertahan demi anak-anak

01:11pm SPR akan lapor polis penyokong ingkar peraturan

01:05pm 'Malas keluar rumah'

01:03pm Kecewa hasrat tanding PRK Bukit Gelugor ditolak

12:59pm Keselamatan Brazil diperketat

## 5 PALING HOT

1 Zain: Itu bukan gambar terlampau

2 'Sumpah saya masih ahli Pas'

3 10 kali imbasan petunjuk harta karun

4 Proton Saga BLM diguna dalam serangan bom?

5 Tindakan biadab askar Britain

Pas Tangguh Bentang Hudud Di Parlimen



Atasi Perbalahan Sesama Islam  
Perbalahan antara mazhab atau  
sektarian merupakan antara  
masalah utama yang dihadapi

## Pemeriksaan kesihatan: BP Healthcare tawar diskaun

10 Mei 2014

[f](#) [t](#) [g+](#) [+](#) 2

SHAH ALAM - Orang ramai akan menikmati diskaun istimewa untuk pakej pemeriksaan kesihatan am di samping menyumbang kepada kempen mengumpul dana berikutkan perjanjian antara BP Healthcare Group dan MAA Medicare, satu daripada pertubuhan bukan kerajaan terbesar dalam dialisis.

Pengarah Urusan BP Healthcare Group, Datuk Chevy Beh, berkata memorandum persefahaman (MoU) itu akan menyaksikan kedua-dua pihak bekerjasama menjalankan kempen selama tiga bulan mengenai kesihatan buah pinggang dan kesejahteraan di kalangan orang ramai.

"Melalui perjanjian ini, kami telah menyediakan pakej pemeriksaan kesihatan khusus yang memberi tumpuan kepada kesihatan buah pinggang dan ia sah sehingga 31 Julai depan."

"Apa yang menarik mengenai pakej ini ialah 10 peratus daripada pendapatan jualannya akan didermakan kepada Tabung Kebajikan Buah Pinggang MAA Medicare," katanya ketika berucap di majlis berkenaan, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Chevy Beh memuji usaha MMA Medicare dalam menyediakan akses murah kepada dialisis berkualiti, penjagaan kesihatan dan ubat-ubatan penting pada harga bersubsidi walaupun lebih 6,000 rakyat Malaysia menjalani rawatan dialisis setiap tahun.

Sementara itu, anggota lembaga pemegang amanah MAA Medicare, Tan Sri Ibrahim Menudin berkata, lebih ramai orang perlu mendapatkan pemeriksaan kesihatan lengkap kerana mereka menikmati pelepasan cukai sehingga RM500 untuk perkhidmatan kesihatan asas.

Pada 26 April lalu, BP Healthcare Group, peneraju industri penjagaan kesihatan asas negara, telah menandatangani MoU dengan MyTeksi, platform tempahan teksi telefon pintar automatik terbesar untuk menawarkan penjagaan kesihatan murah kepada orang ramai.

MoU berkenaan menyaksikan kedua-dua pihak bekerjasama mewujudkan kempen kesedaran mengenai kesihatan dan kesejahteraan kepada beribu-ribu pemandu dan pengguna MyTeksi. - Bernama